



TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK DR. MAZIAH CHE YUSOFF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL. 12 TAHUN 2025

LOKASI/ TARIKH/ MASA
DEWAN NUR, ARAS B1, KPWKM / 22 DISEMBER 2025 (ISNIN) / 10.00 PAGI

Dikemaskini pada 21 Disember 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI (Disediakan)

Terima kasih saudara pengacara majlis.

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam Perhimpunan Bulanan Bilangan 12 bagi tahun 2025, yang juga merupakan perhimpunan terakhir kita bagi tahun ini.
2. Syabas diucapkan kepada urusetia bertugas, iaitu Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Bahagian Khidmat

Pengurusan kerana dapat merealisasikan perhimpunan kali ini walaupun terdapat pertukaran di saat-saat akhir.

3. Seperti kita semua sedia maklum, pada 16 Disember yang lalu, Perdana Menteri telah mengumumkan anggota kabinet Kerajaan MADANI. Kepimpinan KPWKM diperkukuh dengan pelantikan YB Lim Hui Ying sebagai Timbalan Menteri KPWKM yang baharu menggantikan YB DS Dr Noraini Ahmad yang telah dilantik sebagai Menteri di Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

4. Dikesempatan ini saya mewakili seluruh warga KPWKM mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad atas jasa dan bakti di Kementerian ini. Juga tahniah dan selamat bertugas kepada YB Lim Hui Ying.

5. Sepanjang tahun 2025 ini juga, Alhamdulillah kita telah berjaya melengkapkan kesemua 12 kali Perhimpunan Bulanan KPWKM, yang menyaksikan pelbagai tema, dan

konsep yang diurusetiakan oleh agensi-agensi kementerian, yang bukan sahaja menjadi medium penyampaian maklumat, malah berperanan sebagai platform memperkukuh komunikasi, kebersamaan serta semangat kekitaan dalam kalangan warga kementerian.

6. Perhimpunan hari ini bukan sahaja menjadi ruang perkongsian maklumat dan pencapaian kementerian, malah menjadi wadah untuk kita membuat refleksi terhadap perjalanan, cabaran dan kejayaan sepanjang

tahun 2025 sebelum melangkah ke tahun baharu dengan azam yang lebih kukuh.

A) SOROTAN PENCAPAIAN TAHUN 2025

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga KPWKM,

1. Suka saya mengajak semua untuk mengimbau pencapaian yang telah berjaya kita lakar pada tahun ini. Dalam **agenda pemerkasaan wanita**, kementerian telah melancarkan **Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan**

Pembangunan Wanita 2025–2030, satu dokumen penting yang bakal memberi manfaat kepada lebih 16.1 juta wanita di Malaysia. Kesedaran mengenai isu keselamatan dan maruah wanita turut diperkukuh melalui pelaksanaan **program advokasi Antigangguan Seksual serta Tribunal Antigangguan Seksual, yang berjaya menyelesaikan 48 aduan dalam tempoh 60 hari.**

2. Pada masa yang sama, kempen **Elimination of Violence Against Women** sepanjang tahun ini telah berjaya menarik

penyertaan lebih 74,000 peserta, sekali gus meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai isu keganasan gender.

3. Melalui **program KasihniTA, seramai 1,800 ibu tunggal** telah dilengkapi dengan pengetahuan kewangan, kemahiran perundangan dan pembangunan potensi bagi membolehkan mereka berdikari dan berdaya saing.
4. Kita juga telah berjaya melancarkan **Pelan Tindakan Kebangsaan Wanita, Keamanan dan Keselamatan (NAP**

WPS) pertama Malaysia dalam usaha memperkukuh peranan wanita dalam keamanan dan keselamatan.

5. Dalam memperkukuh institusi keluarga pula, Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin **MamaCare terus memberi impak yang besar apabila 1,482 pengamal telah ditauliahkan dengan Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 pada tahun ini, manakala hampir 60,000 wanita menerima manfaat penjagaan selepas bersalin. Selain itu, satu MoU telah dimeterai antara LPPKN dan JPN** bagi

memperkokuh kolaborasi strategik dalam usaha memperkasa institusi keluarga dan pengurusan krisis rumah tangga secara holistik.

6. Malaysia turut diberi penghormatan di peringkat antarabangsa apabila dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Kependudukan dan Pembangunan (CPD) bagi penggal 2026–2030 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) berjaya memberi pendedahan kepada lebih

134,000 orang mengenai keselamatan seksual, kesihatan reproduktif dan sosial. Di samping itu, program bantuan rawatan **subfertility BuAi membantu 103 wanita** untuk hamil melalui kaedah IUI.

7. Perneriksaan nilai kekeluargaan turut berjaya diperhebat dengan pelaksanaan Sambutan Bulan Keluarga, Hari Ibu dan Hari Bapa.

8. Tahun 2025 turut menjadi titik penting dalam membentuk masyarakat yang lebih sejahtera melalui pembinaan **Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026–2030** serta **Kerangka Strategik Penjagaan Malaysia 2026–2030**.
9. KPWKM melalui JKM, YKN, LPPKN dan LK juga komited dalam aktiviti pengurusan mangsa bencana sepanjang 2025. Selain daripada **pengoperasian PPS bagi mangsa banjir**, kita juga **terlibat dalam pengurusan mangsa bagi insiden letupan paip gas di Putra Height dan sokongan**

sosial kepada mangsa kemalangan bas UPSI yang menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia.

10. Kempen “**Awak OK Tak**” pula terus menjadi pemangkin kesedaran mengenai kesejahteraan emosi dan kesihatan mental dalam kalangan rakyat dengan sokongan **Pusat Panggilan Talian Kasih 15999** dan **12,745 kaunselor berdaftar**. KPWKM adalah satu-satunya Kementerian yang

mempunyai Pusat Panggilan yang beroperasi 24 jam sehari 7 hari seminggu tanpa henti.

11. **Perkhidmatan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)**

Bergerak YKN juga terus menjadi antara inisiatif signifikan dalam melaksanakan inisiatif sokongan psikososial, apabila lebih **142,000 klien** telah menerima manfaat sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2021.

12. **Kembara Kasih KPWK 2025** pula mengukuhkan hubungan kementerian dengan masyarakat apabila kita berjaya menyantuni **35,000 penduduk di enam daerah di Sabah** bagi menyampaikan perkhidmatan terus kepada rakyat di kawasan yang jauh dari pusat bandar.
13. Pengintegrasian **sistem iSPEKS dan e-bantuan JKM** yang kini diperluas ke Sarawak turut memastikan proses penyampaian bantuan lebih cepat, telus dan mesra pengguna.

14. Dalam memastikan hak kanak-kanak terus terjamin, inisiatif pemasangan **Plak TASKA Berdaftar di 3,198 TASKA berdaftar** telah membantu ibu bapa membuat pilihan yang lebih selamat untuk anak-anak mereka. **Program advokasi Kasih Kanak-Kanak melibatkan 70,000 murid di 517 sekolah dan menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records** sebagai program advokasi perlindungan kanak-

kanak terbesar di negara ini. Kita juga telah terlibat dengan pengurusan kebajikan kanak-kanak GISBH.

15. Dalam **agenda memperkasa OKU**, kementerian telah memperluas akses pendidikan dan intervensi awal melalui **subsidi yuran pembelajaran kepada 30,000 kanak-kanak autisme**, di samping peruntukan **RM5 juta untuk pembangunan Pusat Perkhidmatan Autisme** bagi menyediakan terapi dan sokongan keluarga. **Sehingga Oktober 2025, seramai 803,731 OKU telah berdaftar**

dengan JKM, membuktikan usaha pendaftaran, advokasi dan penyampaian perkhidmatan semakin kukuh.

16. Bagi warga emas, pelancaran **Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026–2030** menjadi tonggak utama persediaan negara menuju status negara tua pada 2036. PAWE di seluruh negara terus berfungsi sebagai pusat komuniti aktif, dengan **lebih 47,000 warga emas** menyertai pelbagai program tahunan. Peranan PAWE turut diperkukuh dengan

pendekatan intergenerasi apabila golongan muda dan warga emas diberi ruang untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman.

17. Kita juga telah berjaya meraikan hari-hari sambutan istimewa bagi Kumpulan sasaran kita dengan penuh gilang-gemilang sepanjang tahun 2025. Antaranya sambutan Hari Wanita, Hari Warga Emas, Hari OKU dan Hari Kanak-kanak. Ada juga sambutan yang disemarakkan dengan pengumuman-pengumuman dan pelancaran penting

bagi kumpulan sasar terlibat. Diharapkan semua Kumpulan sasar merasai dan mendapat manfaat daripada apa yang kita laksanakan khusus buat mereka ini.

18. **Dalam arena antarabangsa**, Malaysia terus menyerlah sebagai negara yang komited memperkukuh kesejahteraan sosial serantau. Tahun ini menyaksikan kejayaan KPWKM menganjurkan 6 program sempena Kepengerusian ASEAN.

19. **Kejayaan 2 Program Pasangan ASEAN sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 & ke-47 yang dihadiri oleh isteri ketua negara-negara ASEAN yang** menjadi platform diplomasi tidak formal yang signifikan dalam memperkukuh hubungan dan jaringan kerjasama antara negara-negara ASEAN telah meninggalkan kenangan manis buat kita semua.

20. Selain itu, kita juga berjaya melaksanakan **Persidangan ASEAN ROK on Care and Support for Older Persons** yang telah dihadiri lebih 100 peserta dari negara-negara ASEAN dan rakan dialog khusus bagi berkongsi pengalaman dan praktis terbaik berkaitan penjagaan dan sokongan kepada warga emas.
21. **Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Women, Peace and Security 2025, KPWKM telah melakar sejarah dengan**

pelancaran Pelan Tindakan Kebangsaan (NAP WPS 2025–2030) sebagai komitmen Malaysia memperkukuh peranan wanita dalam keamanan dan pembangunan inklusif.

22. **Penganjuran CARECON 2025- ASEAN Conference on The Care Economy mengenai penjagaan warga emas** telah menjadi cerminan komitmen berterusan KPWKM bersama ASEAN dan rakan-rakan dialog untuk terus memajukan agenda ekonomi penjagaan di rantau ini. Ia selaras dengan ASEAN Declaration on Strengthening in the Care

Economy and Fostering Resilience Towards the Post-2025 ASEAN Community.

23. Melalui penganjuran program **ASEAN ICT Forum on Child Online Protection** pula KPWKM telah berjaya mengetengahkan kerangka kerja strategik baharu melalui peluncuran **Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara**.
24. KPWKM juga membawa amalan terbaik negara ke pentas global di **Expo Osaka 2025 dengan memfokuskan kepada**

pengiktirafan kerja penjagaan, pemerkasaan penyedia perkhidmatan serta inovasi digital. Selain itu, kita juga Berjaya mencatat sejarah dengan kejayaan pasukan inovasi JKM yang mengharumkan nama Malaysia di Geneva dengan meraih pingat emas, perak dan gangsa dalam International Exhibition of Inventions.

25. Tahun ini juga menjadi saksi pelbagai pengiktirafan diterima oleh KPWK. Kita telah mendapat **Gred A dengan markah 93.39%** daripada DOSH terhadap komitmen

mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat. Kita turut memenangi **tempat pertama bagi Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik, serta tempat kedua bagi Anugerah Outcome Kementerian Berprestasi Tinggi dengan markah 92.4%. Juga Anugerah Cemerlang Inisiatif Pembaharuan Penyampaian Perkhidmatan Awam H.E.M.A.T melalui Projek integrasi sistem iSPEKS dengan sistem Bantuan JKM dan Inisiatif Pendigitalan Kursus Bidang Kerja Sosial (EPPESO).**

26. KPWK M juga mencatat sejarah apabila menerima **Social Impact Award dalam ASEAN PR Excellence Awards 2025**, selain dianugerahkan **Penarafan Platinum bagi Pengurusan Aduan Awam** serta pengiktirafan lima bintang penuh di bawah Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM).
27. Pelbagai pencapaian juga berjaya dilakar di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) antaranya Pelancaran Portal Baharu KPWK M dengan kemudahan ciri-

ciri OKU yang dipertingkat dan Pengenalan ChatBot Cik Kasih dengan ciri-ciri AI. Pelbagai kerjasama strategik antara sektor awam, swasta dan komuniti juga telah dilaksanakan melalui pelaksanaan program-program oleh Kementerian/Jabatan dan Agensi. Selain itu, penganugerahan yang diterima oleh ISM dibawah Projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) melalui inisiatif EPESSO membuktikan KPWKM serius dalam Pelaksanaan ARPA.

28. Semangat MADANI Bekerja juga terus subur di KPWKM dan dipamerkan dalam penyertaan di setiap Program MADANI Rakyat (PMR) di seluruh negara. Skuad Ihsan MADANI KPWKM juga turut aktif terlibat dengan misi bantuan bencana banjir yang berlaku sepanjang tahun. Kejayaan projek Kampung Angkat MADANI (KAM) KPWKM juga mengukuhkan usaha KPWKM mengangkat ihsan MADANI kepada rakyat.

29. KPWKM turut terlibat secara aktif dalam Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam, yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini. Penglibatan ini mencerminkan komitmen berterusan KPWKM dalam menyokong dan menjayakan agenda MADANI Rakyat, khususnya dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam serta memastikan dasar dan inisiatif kerajaan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat di peringkat akar umbi.

B) PENGHARGAAN

Tuan-tuan dan puan-puan warga KPWKM sekalian,

30. Semua pencapaian ini bukan milik saya atau sesiapa. Ia adalah hasil kerja keras, komitmen dan kesungguhan setiap daripada anda, daripada peringkat pengurusan tertinggi hingga petugas barisan hadapan. Saya berbangga berada bersama pasukan yang begitu berdedikasi dan profesional seperti anda semua. Terima kasih saya ucapkan.

31. Walaupun kita datang daripada unit yang berbeza, jabatan berbeza tetapi apabila tenaga dan kepakaran kita digabungkan, kita membentuk sebuah pasukan yang luar biasa mantap. Setiap laporan yang disiapkan, setiap program yang digerakkan, setiap klien yang kita bantu, semuanya membuktikan bahawa apabila kita berganding bahu, tiada cabaran yang terlalu besar untuk kita tempuhi bersama.

D) PESANAN & PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

32. Dalam masa yang sama, saya ingin mengingatkan diri kita semua agar menjadikan kejayaan hari ini sebagai pemangkin untuk kita melangkah lebih jauh, berfikir lebih kreatif, dan bekerja dengan semangat yang lebih tinggi.
33. Menginjak ke tahun 2026 dalam masa beberapa hari saja lagi, saya mengajak seluruh warga KPWKM untuk terus

melangkah dengan iltizam baharu. Kita tekad kekalkan budaya kerja yang telus, berintegriti, penuh empati dan berpaksikan rakyat. Teruslah bekerja sebagai satu pasukan, kerana kekuatan KPWKM adalah kekuatan kita bersama.

34. Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2026 dan Selamat Hari Natal kepada yang meraikannya.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

22 Disember 2025